

D708

U B417 DEB

MAHATHIR - AFRIKA SELATAN

KUALA LUMPUR, 21 OKT. (BERNAMA) -- KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA KOMANWEL TELAH DIGESA MEMUTUSKAN DALAM PERSIDANGANNYA DI NASSAU, BAHAMAS SUPAYA MENGENAKAN SEKATAN YANG TEGAS TERHADAP REJIM AFRIKA SELATAN UNTUK MENDESAKNYA MENGHAPUSKAN DASAR APARTEID.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMBUAT GESAAN ITU DALAM SURATNYA KEPADA KETUA-KETUA NEGARA ITU SEBELUM BERLEPAS PULANG KE TANAH AIR HARI INI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG DI SINI, BELIAU BERKATA SURAT ITU MENJELASKAN PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI PENTINGNYA DIKENAKAN SEKATAN TERHADAP ISU AFRIKA SELATAN.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAGAIMANA RHODESIA SELATAN (KINI ZIMBABWE) KETIKA DI BAWAH PEMERINTAHAN KULIT PUTIH YANG AKHIRNYA TERPAKSA TUNDUK KEPADA SEKATAN-SEKATAN YANG DIKENAKAN DAN SETERUSNYA BERSETUJU MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN RAKYAT KULIT HITAM DI NEGARA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SELAGI TIADA SEKATAN YANG TEGAS DIKENAKAN KE ATAS REJIM AFRIKA SELATAN SELAMA ITULAH IA AKAN TERUS ENGGAN BERDIALOG DENGAN MASYARAKAT KULIT HITAM. -- LAGI  
2015MST 21 10 85

D709

U B418 DEB

MAHATHIR - AFRIKA SELATAN 2 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA APAKAH RUMUSAN YANG DICAPAI DALAM PERSIDANGAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MENGETAHUI APAKAH YANG TELAH DIPUTUSKAN KERANA BELIAU PULANG LEBIH AWAL.

DALAM UCAPAN PENTINGNYA PADA HARI PEMBUKAAN PERSIDANGAN ITU MINGGU LALU, DATUK SERI DR. MAHATHIR ANTARA LAIN MENDESAK DIKENAKAN SEKATAN TEGAS KE ATAS AFRIKA SELATAN BAGI MENDESAKNYA MENGHAPUSKAN DASAR APARTEID.

UCAPAN BELIAU YANG LANTANG ITU DILAPORKAN TELAH MENDAPAT SANJUNGAN TINGGI DARIPADA PARA PEMIMPIN DUNIA YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU.

MENTERI LUAR TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN KINI MENGETUAI PERWAKILAN NEGARA DI PERSIDANGAN ITU YANG DIJADUALKAN BERAKHIR ESOK. -- BERNAMA  
2016MST 21 10 85